

Headline	Bantu M40 miliki rumah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Mar 2019	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	112,705
Page No	36	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	457 cm ²
Journalist	Sri Ayu Kartika Amri	AdValue	RM 17,934
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,802



ZURAIDA bersama Kamal (kiri) dan Abdul Jalil ketika merasmikan My Rumah 2019 di My Town Shopping Centre, Kuala Lumpur.

myrumah
PAMERAN HARTANAH
7-10 Mac 2019 | 10 pagi - 10 malam
MyTOWN Shopping Centre,
Cheras, Kuala Lumpur
[MyRumahMPB](#)

Sri Ayu Kartika Amri
kartika@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bakal memperkenalkan inisiatif atau skim khas bagi memudahkan golongan pertengahan atau sederhana (M40) memiliki kediaman sendiri.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, KPKT ini dalam proses merangka inisiatif berkenaan dan akan mendapatkan kerjasama daripada beberapa agensi berkaitan.

Katanya, kerajaan bukan sajalah prihatin terhadap golongan berpendapatan rendah (B40), tetapi juga M40 yang dilihat turut berdepan de-

Bantu M40 miliki rumah

■ **KPKT perkenal skim permudah golongan pertengahan beli kediaman sendiri**

ngan cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat.

“Golongan M40 ini nanti akan terbahagi kepada dua kategori iaitu mereka yang berpendapatan isi rumah RM10,000 ke bawah dan RM5,000 ke bawah.

“Oleh itu, inisiatif atau skim khas ini sedang dirangka bagi membantu mereka menangani isu pemilikan rumah dan ia dijangka diumumkan dalam masa terdekat ini,” katanya selepas melancarkan siri pertama pameran hartaanah MyRumah 2019, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Kumpulan Media Prima Bhd (MPB), Datuk Kamal Khalid, Ketua Pegawai

Eksekutif The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Datuk Seri Abdul Jalil Hamid dan Pengurus Besar Pengiklanan NSTP, Roche Chew.

MyRumah 2019 adalah pameran hartaanah anjuran NSTP dengan kerjasama KPKT.

Sebelum ini, kerajaan mengumumkan harga rumah mampu milik di negara ini adalah di bawah RM300,000 dan paras itu dianggap sesuai dengan mengambil kira taraf ekonomi penduduk yang semakin meningkat.

Zuraida juga sebelum ini berkata, kediaman berharga antara RM300,000 hingga RM500,000 adalah untuk golongan M40.

Sementara itu, mengulas mengenai pelancaran MyRumah, Zuraida berkata, pihaknya memuji inisiatif yang dilaksanakan NSTP dan MPB dalam usaha menyokong agenda kerajaan untuk meningkatkan kadar pemilikan rumah di negara ini.

“Tahniah kepada NSTP dan MPB kerana mengadakan pameran hartaanah seumpama ini.

“Inisiatif ini pada masa sama dapat membantu mengatasi masalah unit rumah tidak terjual selain memperkenalkan pilihan pembangunan hartaanah terbaharu yang menawarkan pilihan harga serta promosi menarik dan mampu milik,” katanya.